

# Melayu mesti bulatkan tekad jadi bangsa maju

BH - 12/05/06

**S**ELEPAS 60 tahun, Istana Besar di Johor Bahru sekali lagi mencatat sejarah apabila kira-kira 60,000 ahli Umno berhimpun bagi meraikan penubuhan Umno. Jika 60 tahun dulu, gema laungan 'Hidup Melayu' daripada Allahyarham Datuk Onn Jaafar berjaya menyatukan umat Melayu tanpa mengira negeri dan keturunan untuk berjuang membebaskan tanah air daripada belenggu penjajahan, gema yang sama bergema semalam. Kali ini, ia datangnya dari mulut Presiden Umno keenam, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mahu orang Melayu berusaha keras bagi memacu kejayaan hingga muncul menjadi bangsa maju dan bermaruah menjelang 2020. Bagi Perdana Menteri, orang Melayu tiada pilihan kecuali membulatkan tekad untuk merealisasikan Wawasan 2020 sebagai hadiah kepada bangsa dan negara. Adalah sesuatu yang amat malang jika berlaku keadaan sebaliknya, di mana orang Melayu gagal mencapai status bangsa maju dan terpinggir di negara sendiri dalam tempoh 14 tahun lagi.

Mencapai status bangsa maju menjelang 2020 bukan saja satu pencapaian bersejarah tetapi juga kesinambungan perjuangan pemimpin Umno terdahulu - daripada Datuk Onn, Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir Mohamad. Malah perjuangan Umno bukan saja untuk kepentingan Melayu tetapi juga seluruh rakyat negara ini.

Dalam usaha menjadikan Melayu bangsa terbilang, Umno menitikberatkan program pembangunan modal insan menerusi pendidikan berkualiti sebagai asas membentuk jati diri dan bangsa maju. Sejarah membuktikan pelbagai bidang ilmu dapat menjana suatu kehidupan yang lebih baik, terancang dan berkesan sehingga dipandang tinggi masyarakat lain. Generasi muda perlu menjadi penggerak untuk mengukir kejayaan pada 2020 dan tahun-tahun selepasnya. Dan, kerajaan yang ditunjangi Umno akan terus menerus membentuk dan melahirkan belia yang memilik peribadi mulia dan berjiwa besar selain bersemangat patriotik demi kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara. Negara juga memerlukan tenaga pakar Melayu dalam pelbagai bidang yang sanggup berhadapan dengan perkembangan dunia sekarang. Kita memerlukan teknologi terkini, meningkatkan produktiviti dengan merangka satu pelan pembangunan bagi mencapai tahap yang lebih kompetitif pada peringkat global. Apa pun, kita tidak boleh melupakan sejarah - menoleh ke belakang untuk melihat dan menilai pengalaman lalu sebagai wadah membentuk masa depan yang lebih gemilang. Sejarah umpama sebuah gudang yang sarat dengan pelbagai peristiwa dan cerita sama ada menggemibirkan mahupun menyakitkan. Kita akan menilai dan timbang terima bagaimana masa depan bangsa dan negara dapat dirancang berdasar acuan sekarang dan masa lalu.

Selain meletakkan bangsa Melayu ke tahap lebih unggul, kesungguhan menjadikan Malaysia sebuah negara Islam contoh terus menjadi agenda utama kerajaan apabila pembangunan modal insan diletakkan sebagai teras dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Dengan berbekalkan aset ini, menjelang 2020, insya-Allah kita mampu menjadi sebuah negara maju yang dihuni rakyat yang memiliki jati diri dan berpegang kuat kepada tiang agama. Kini, Misi Nasional yang berpaksikan lima teras dengan bertemakan 'Membina Tamadun Menjulung Martabat Bangsa' adalah cabaran kita terutama generasi muda untuk meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi, memupuk minda kelas pertama dan meningkatkan mutu hidup.